

15/05/1999

BN terus amalkan perkongsian kuasa (HL)

Lichong Angkui; Shamsul Kamal Amarudin  
KOTA KINABALU, Jumaat - Barisan Nasional (BN) akan terus mengamalkan konsep perkongsian kuasa di Sabah, walaupun Umno menjadi parti majoriti di negeri itu.

Sehubungan itu, Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah setiap dua tahun di kalangan tiga kaum utama di Sabah juga akan diteruskan.

Menurut Perdana Menteri, sistem itu dijanjikan kepada rakyat Sabah dan ia perlu ditunaikan.

"Ya, kita janji dan kita tunaikan. Tidak timbul soal ia tidak ditunaikan," katanya menjawab soalan wartawan pada sidang akhbar di hotel penginapannya di sini petang ini selepas lawatan rasmi dua hari ke Sabah.

Beliau yang berlepas pulang ke Kuala Lumpur petang ini, berkata rakyat Sabah mempunyai banyak cara mengemukakan pandangan berhubung isu berkenaan sekiranya mahu berbuat demikian.

Mengenai resolusi beberapa bahagian Umno meminta sistem itu dimansuhkan, Dr Mahathir berkata: "Semua itu cuma resolusi dan bukan keputusan."

Sistem penggiliran itu dijanjikan ketika kempen Pilihan Raya Sabah 1994, bermula dengan kuota Bumiputera Islam menerusi Umno, diikuti Cina dan Bumiputera bukan Islam.

Kini, Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam, menyandang jawatan itu bagi kuota Bumiputera Islam, dalam pusingan kedua berikutan kemenangan besar BN pada pilihan raya negeri 12-13 Mac lalu.

Pada pilihan raya itu, BN memenangi 31 kerusi dengan Umno meraih semua 24 kerusi yang ditandingi, manakala SAPP (tiga) dan masing-masing dua kerusi oleh Parti Demokratik Sabah (PDS) dan Parti Liberal Demokratik (LDP).

Sebelum ini, beberapa bahagian Umno di Sabah meluluskan usul pada mesyuarat bahagian masing-masing supaya sistem berkenaan dimansuhkan. Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno Sabah, juga menyatakan pendirian menyokong pemansuhan sistem itu.

Pada sidang akhbar itu juga, Dr Mahathir mengumumkan pelantikan Presiden Parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar), Datuk Pandikar Amin Mulia, sebagai menteri Kabinet Kerajaan Pusat bagi mengisi jawatan yang dikosongkan Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP), Datuk Chong Kah Kiat.

Perdana Menteri berkata, pelantikan itu dibuat bagi memenuhi janjinya sebelum ini untuk membuat beberapa pelantikan dari Sabah.

"Kita berjanji melantik Pandikar Amin sebagai menteri penuh di Kabinet Persekutuan menggantikan tempat Chong dan kita akan menunaikan janji itu," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun tidak menyebut bila pelantikan itu akan dibuat dan sama ada Pandikar Amin akan dilantik sebagai Senator terlebih dulu.

Pada Pilihan Raya Sabah lalu, Pandikar Amin yang ketika itu Menteri Pertanian dan Perikanan negeri, memberi laluan kepada calon Umno, Musbah Jamli, untuk bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tempasuk.

Chong pula meletak jawatan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk bertanding di DUN Kudat.

Mengenai pertemuannya dengan anggota Kabinet Sabah semalam, Dr Mahathir berkata, beliau meminta mereka komited dalam mentadbir, termasuk mengadakan mesyuarat bersama pegawai setiap kali selesai mesyuarat Kabinet dan menggunakan kaedah pentadbiran secara cekap.

(END)

